

**Usaha bantu si miskin, rangsang ekonomi
Utusan Online
Januari 17, 2012
Oleh AINUL ASNIERA AHSAN**

SYABAS kepada Malaysia Development Holding Sdn. Bhd., syarikat khas milik Kementerian Kewangan di atas keupayaan mereka mewujudkan dan menjayakan Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (Sara 1Malaysia).

Sara 1Malaysia telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa pembentangan Bajet 2012 bertujuan meningkat pendapatan boleh guna untuk turut menjana ekonomi dan menggalakkan minat melabur di kalangan golongan berpendapatan rendah.

Skim itu juga bertujuan membantu golongan terbabit menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.

Golongan sasaran Sara 1Malaysia terutama yang belum pernah melabur sudah pasti gembira kerana inilah masa terbaik untuk merebut peluang pelaburan yang diberikan kerajaan.

Pakej yang diberikan melalui Sara 1Malaysia memang menarik - melalui pinjaman sebanyak RM5,000 (bukan tunai), para peserta dijamin mendapat insentif tambahan sebanyak RM134 sebulan.

Seperti kata Perdana Menteri, Sara 1Malaysia adalah pakej terbaik seumpamanya di dunia - bermakna tidak ada kerajaan lain di dunia ini menawarkan bentuk bantuan yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan berpendapatan rendah.

Masakan tidak, jika mengambil kira bayaran ansuran bank yang perlu dibayar setiap bulan sebanyak RM86 untuk tempoh lima tahun, para peserta skim masih mempunyai RM50 untuk duit poket.

Sudahlah menikmati kadar faedah pinjaman terendah dalam pasaran, insentif RM50 sudah terjamin setiap bulan.

Dengan jumlah RM50 itu sekiranya disimpan dan dilabur semula dalam Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Bhd., genap setahun mereka akan menerima RM600.

Seorang penganalisis berkata, jumlah pulangan RM600 yang diterima itu pun adalah dua kali ganda lebih tinggi jika mengambil kira pembayaran dividen sebanyak enam peratus oleh PNB.

Ternyata Sara 1Malaysia memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk membantu golongan rakyat berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan boleh guna.

Malah, seorang jemputan yang duduk di sebelah penulis ketika menghadiri pelancaran skim itu sambil menggeleng kepala berkata, alangkah beruntung golongan berpendapatan rendah di negara ini.

Nasib golongan itu bukan sahaja terbela dengan pelbagai bentuk bantuan tetapi turut diberi peluang dan kemudahan pelaburan dengan pulangan yang cukup lumayan.

Justeru, kepada rakyat Malaysia yang berkecukupan, ayuh jangan ketinggalan menyertai skim tersebut kerana peluangnya adalah terhad.

Dan, mereka yang berjaya pula, diharapkan Sara 1Malaysia menjadi laluan pertama bagi menyemai sikap dan amalan menabung untuk masa depan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0117&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm